

PENGORBANAN IBU TIDAK DAPAT DIBALAS

Oleh: Siti Rahayu binti Karim, 1171101,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Disiarkan pada 28 July 2020

Bagiku ibu ialah seorang wanita yang sangat hebat dan tiada gantinya. Dia sanggup berkorban menjadi tulang belakang keluarga dengan mencari nafkah untuk tujuh orang anaknya selepas bergelar ibu tunggal.

Semasa saya masih berumur setahun, ibu sudah mula bekerja untuk memenuhi segala keperluan kami adik-beradik. Ibu selalu mendahulukan anak-anaknya dan tidak pernah mengeluh walaupun penat-lelah dihadapinya semata-mata untuk membahagiakan kami.

Ibu ialah seorang wanita yang amat saya kagumi kerana dia mempunyai pendirian yang kuat. Dia selalu berpesan kepada saya selagi kita boleh berusaha mencari rezeki sendiri, janganlah meminta dan menyusahkan orang lain.

Ibuku bernama Jamaiah Binti Sulong, dia dilahirkan di Pulau Indah, Selangor pada 31 Julai 1959. Dia ialah anak bongsu daripada dua beradik.

Setiap hari selepas saya bangun daripada tidur, ibu sudah pergi mencari rezeki. Malah, saya sangat jarang berjumpa ibu kerana dia hanya balik ke rumah pada pukul 10 malam.

Setiap hari ibu bekerja lebih masa untuk mencari rezeki yang cukup untuk kami. Pengorbanan ibu tidak berhenti di situ, malah setiap hari ibu harus menyiapkan makanan untuk kami sebelum pergi ke tempat kerja.

Semasa lahir lagi ibu sudah menjadi anak yatim kerana nenek meninggal semasa melahirkannya. Selain itu, ibu juga sudah biasa hidup berdikari sejak kecil kerana dijaga oleh ibu saudaranya.

Ibu mula bekerja ketika berumur 35 tahun untuk menyara kami adik-beradik dan tidak pernah mengeluh dengan dugaan hidupnya.

Ibu ialah seorang wanita yang telah melahirkan dan mengandungkan kita selama sembilan bulan. Dia menatang kita bagai minyak yang penuh, selalu mengharapkan yang terbaik untuk anak-anaknya dan dididik dengan pelajaran yang baik. Ibu juga tidak pernah mengharapkan balasan atau bayaran atas pengorbanannya.

Setiap kali melihat susuk tubuh ibu, saya teringat tentang pengorbanannya membesarkan kami. Pernah semasa saya kecil dan hanya meminum susu cair tetapi ibu tidak mempunyai duit yang cukup untuk membelinya.

Disebabkan ibu tidak sanggup membiarkan saya menangis, dia sanggup mengambil upah membasuh pakaian jiran-jiran untuk mengumpul duit membelikan susu untukku.

Hal ini sudah cukup untuk mengingatkanku supaya membalas jasa dan pengorbanan ibu. Oleh itu, anak-anak haruslah menghargai pengorbanan ibu bapa mereka yang masih hidup dengan menjaga dan membuat mereka bangga dengan kejayaan diri sendiri.

Ibu tiada gantinya dan dia adalah pinjaman tuhan kepada kita untuk kita menikmati kasih sayang yang tiada tolok gantinya.

Allah SWT berfirman yang bermaksud, “Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa.” (Al-Isra’ ayat 23)

Setiap anak hanya mempunyai seorang insan bergelar ibu. Maka berbaktilah kepada kedua-dua ibu bapa kita selagi mereka masih hidup.



Kami sekeluarga bergambar bersama ibu yang duduk di tengah.



Di sebelah kiri saya ialah ibu saya (Jamaiah binti Sulong) bergambar pada hari raya.